

12 JUN 2003

Syed Razak-Pengisytiharan

SULTAN KEDAH ISYTIHAR BANDAR RAYA ALOR STAR 22 OGOS

ALOR STAR, 12 Jun (Bernama) -- Sultan Kedah akan melakukan upacara pengisytiharan Alor Star sebagai bandar raya pada 22 Ogos ini, kata Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain hari ini.

Beliau berkata mesyuarat kabinet pada 21 Mei lepas meluluskan permohonan kerajaan negeri Kedah yang mahu ibu negeri itu mencapai status bandar raya setelah ia memenuhi semua syarat yang diperlukan.

Katanya kerajaan negeri dimaklumkan mengenai kelulusan itu melalui surat yang ditandatangani Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting, bertarikh 9 Jun lepas.

Beliau berkata selepas pengisytiharan itu nanti, Alor Star akan mempunyai seorang datuk bandar serta mendapat peruntukan pembangunan tahunan yang lebih besar.

"Saya telah mengarahkan Jabatan Perancang Bandar dan Desa menyediakan pelan induk pembangunan bagaimana hendak membangunkan Bandar Raya Alor Star setanding dengan bandar raya di negara lain," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan bulanan dengan Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah dari Barisan Nasional (BN) di Wisma Darul Aman di sini.

Syed Razak berkata kerajaan negeri mengucapkan penghargaan kepada kerajaan pusat berikutan persetujuan memberi status bandar raya itu, selepas kerajaan negeri dan Majlis Perbandaran Kota Star (MPKS) berusaha gigih memastikan Alor Star mencapai taraf itu.

Katanya pengisytiharan itu sangat dinantikan penduduk negeri ini selepas beberapa ibu negeri lain mendapat taraf berkenaan.

Mengulas mengenai fitnah terhadap dirinya kononnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memaksa beliau meletak jawatan, yang disebarkan melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS), Syed Razak berkata beliau tidak berasa tergugat malahan beranggapan itu adalah satu cara baru menyebarkan surat layang.

Katanya dahulu orang menggunakan surat bagi memburukkan seseorang, tetapi dengan perkembangan teknologi mereka menggunakan SMS dan internet pula bagi menyebarkan fitnah.

Sambil menyatakan bahawa beliau tidak akan membuat laporan polis kerana itu hanya satu di antara pelbagai surat layang yang mahu memburukkan beliau, Syed Razak berkata fitnah SMS memberi gambaran yang negatif kepada negara luar mengenai budaya surat layang di negara ini.

"Saya malu kalau orang luar negara tahu bahawa rakyat negara ini suka sangat kepada budaya surat layang, guna SMS dan internet untuk membuat cerita tak baik," katanya.

-- BERNAMA

MZM ROS